

Dakwat kekal: Perlembagaan tak perlu dipinda langsung, PSC dimaklum
The Malaysian Insider
12 November , 2011

KUALA LUMPUR, 12 Nov — Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda untuk membolehkan dakwat kekal digunakan ketika pilihan raya di negara ini, kata Pengerusi Bersih 2.0 Datuk S Ambiga (gambar).

Bercakap pada sesi pendengaran awam jawatankuasa pilihan khas Parlimen (PSC), Ambiga yang juga bekas presiden Majlis Peguam berkata sistem itu boleh dilaksanakan dengan hanya menukar peraturan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Sama sekali tidak perlu (untuk meminda Perlembagaan) ... hanya perlu tukar peraturan (SPR), bukan Perlembagaan,” katanya.

“Dan, ini boleh dilakukan mengikut Sekyen 16 Akta Pilihan Raya yang membenarkan SPR membuat peraturan, membentangkannya di Parliamen untuk diluluskan,” katanya ketika menjawab soalan seorang anggota PSC.

Terdahulu, Datuk Seri Mohd Radzi Sheikh Ahmad meminta pandangan Ambiga berhubung perkara itu termasuk kemungkinan keputusan pilihan raya boleh dicabar di mahkamah jika sistem itu diperkenalkan tanpa meminda Perlembagaan Persekutuan.

SPR membatalkan rancangan menggunakan dakwat kekal pada pilihan raya umum 2008 selepas mendapat nasihat daripada segi perundangan termasuk keperluan menggubal satu undang-undang yang membenarkan seorang pengundi yang tidak mahu kuku atau jari telunjuknya ditandakan dengan dakwat, diberikan kertas undi.

Laporan Bernama Online memetik Presiden Majlis Peguam Lim Chee Wee berkata beliau juga yakin sistem itu boleh dilaksanakan.

“Mungkin pandangan saya tidak tepat, namun saya mempunyai keyakinan 99.9 peratus bahawa Perlembagaan tidak perlu dipinda bagi membolehkan dakwat kekal digunakan,” katanya.

Bagaimanapun, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail berkata Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan perlu dipinda terlebih dahulu sebelum sistem itu boleh dilaksanakan.

Dalam pada itu, Ambiga juga menggesa kerajaan mengadakan satu suruhanjaya diraja untuk menyiasat dakwaan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) meluluskan permohonan mendapatkan taraf kewarganegaraan dan kemudiannya menjadi pengundi.

Katanya, kerajaan pusat diselubungi siri dakwaan sedemikian meskipun berulang kali menafikan perkara tersebut.

“Maafkan saya, tetapi bagi saya itu adalah pengkhianatan paling besar kepada negara, bahawa kita mendaftarkan pendatang asing sebagai rakyat untuk tujuan pengundian,” kata beliau pada sesi pendengaran hari ini.

"Jika itulah kesnya dan jika ada bukti, maka kita harus ada suruhanjaya diraja untuk meneliti perkara ini," kata beliau lagi.

Pengerusi PSC Datuk Seri Maximus Ongkili meminta Ambiga membuktikan dakwaan beliau.

Bagaimanapun kata Ambiga, sukar untuk memberi bukti sebab mereka yang diberikan taraf kewarganegaraan tidak akan tampil.

"Itu sebabnya anda memerlukan satu suruhanjaya diraja untuk memanggil mereka yang terlibat dan minta mereka berikan penjelasan.

"Biar saya beritahu anda, apa yang harus kita lakukan ialah melihat pada mereka yang telah didaftar atau dineutralkan sepanjang lima tahun lalu dan senarai itu harus didedahkan di Parlimen," katanya lagi.

Katanya, terdapat juga rakyat dengan kod identiti kad pengenalan "71", yang bermakna asal usul negara mereka tidak diketahui.

"Kita tidak harus ada satu sistem macam itu," katanya lagi.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Datin Jariah Mohd Said pula menjelaskan bahawa sebelum 2001, rakyat asing dan rakyat Malaysia yang lahir di luar negara diberikan kod "71".

Bagaimanapun sejak itu, rakyat Malaysia yang lahir di luar negara dan juga warga asing diberikan kod mengikut negara lahir mereka.

Ambiga menambah, beberapa pemegang kad pengenalan dengan kod "71" tiada alamat mereka dalam pangkalan data SPR.

Sementara itu, Ahli Parlimen Rasah Anthony Loke berkata pada 2010, sebanyak 15,288 orang telah diberi taraf kewarganegaraan.

Daripada jumlah itu, seramai 5,631 merupakan rakyat Malaysia yang tiada dokumen sebelum itu. Kebanyakan adalah rakyat Indonesia dengan jumlah mencecah 6,648 kes.

Ambiga juga berkata, Bersih 2.0 mendapati ada 40 kes membabitkan kem tentera di Rasah, Segamat dan Senawang di mana isteri pegawai tentera didaftarkan sebagai pengundi menggunakan kad pengenalan suami masing-masing.

"Maksud anda, isteri-isteri menggunakan kad pengenalan suami?" kata Ongkili.

"Ya, betul," kata Ambiga.

Ongkili yang juga anggota Kabinet pusat berkata, langkah perlu diambil untuk membetulkan keadaan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dakwat-kekal-perlembagaan-ta-k-perlu-dipinda-langsung-psc-dimaklum/>